

BAB ENAM
KESIMPULAN

6.0 Pendahuluan

Akidah merupakan tunjang kepada pemikiran, perlakuan dan amalan setiap individu insan yang sihat akal dan jiwanya. Sesungguhnya akidah memiliki pengaruh yang amat besar terhadap fikiran dan tindakan setiap hamba Allāh SWT. Oleh sebab itu, akidah menjadi fokus utama wahyu apabila membicarakan tentang persoalan iktikad dan ibadah *muslimūn*. Ini kerana, dengan akidah yang benar menjamin mereka berada dalam iktikad yang selamat yang mana iktikad ini akan membezakan *mu'minūn* dengan *munāfiqūn* atau *fāsiqūn* mahupun *kāfirūn*. Di samping itu juga, dengan akidah yang benar menjadikan suatu amalan ibadah atau kebaikan *muslimūn* tersebut diterima oleh Allāh SWT.

Dengan sebab-sebab inilah, alim-ulama' Islam mengutamakan pendidikan akidah sebelum pendidikan ibadah dan muamalah. Ini kerana, tanpa memahami akidah yang benar, ibadah dan muamalah tidak memiliki sebarang nilai di sisi Allāh SWT.

Pendidikan akidah dalam Islam mengikut acuan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah menitikberatkan pemahaman masyarakat Islam terhadap isu-isu yang berkaitan dengan ketuhanan Allāh SWT (*ilāhiyyah*), kenabian (*nubuwwah*) dan hal-ehwal ghaib (*sam'iyah*). Dalam isu *ilāhiyyah*, pemahaman yang dititikberatkan ialah memahami tentang kekudusan dan kesucian (*taqdīs wa tanzih*) Zat Allāh SWT dan Sifat-sifatNya. Pemahaman terhadap isu ini diharap dapat menggerakkan umat Islam ke arah mengEsakan Allāh SWT tanpa melampaui atau mengurangi hakikat keEsaanNya (*dūn ifrāt wa tafriṭ*). Dalam isu *nubuwwah* pula, pemahaman yang dititik beratkan ialah mengenal sifat harus, wajib dan mustahil pada para *Anbiyā'* Allāh. Pemahaman terhadap isu ini diharap akan menjadikan umat Islam memuliakan para *anbiyā'* dan memperakukan (*taṣdīq*) setiap apa yang disampaikan oleh mereka a.s. Manakala dalam isu *sam'iyah*, pemahaman yang dititikberatkan ialah berkaitan menyakini perihal

adanya kebahagiaan dan kecelakaan (*sa'ādah wa shaqāwah*) yang disediakan oleh Allāh SWT di akhirat. Pemahaman terhadap isu ini diharap dapat membentuk umat Islam mentaati perintah Allāh SWT.

Kesemua isu-isu akidah ini bukan sahaja perlu difahami malah wajib diimani oleh setiap individu muslim. Keimanan terhadap isu-isu ini mengarahkan terhasilnya keyakinan yang mana dengan keyakinan ini diharap akan menjadikan mereka bersatu dalam mentauhidkan Tuhan Yang Satu, Allāh SWT. Kesatuan ini akan menerbitkan keharmonian kerana semua individu muslim akan saling berinteraksi di atas premis yang sama iaitu sebagai hamba kepada Allāh SWT.

6.1 Hakikat *af'āl* adalah milik mutlak Allāh SWT.

Berhubung dengan konteks kajian iaitu isu *Af'āl Allāh*, Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah menitikberatkan pemahaman masyarakat Islam terhadap kesyumulan *Qudrah* dan *Irādah* Allāh SWT ke atas setiap kejadian khasnya di sini perbuatan hamba. Kesyumulan ini bermaksud, Allāh SWT adalah pencipta dan pelaku hakiki perbuatan hamba sama ada baik atau buruk sekalipun secara zahirnya merekalah yang menggerakkan anggota badan mereka demi menghasilkan perbuatan. Ini kerana, tenaga, sebab-musabab serta dorongan sesuatu perbuatan untuk berlaku telah ditetapkan dan dianugerahkan oleh Allāh SWT kepada hamba. Tanpa ketetapan dan anugerah ini mustahil hamba mampu melakukan sebarang perbuatan.

Walau bagaimana pun, kemustahilan ini tidak menafikan secara total kemampuan hamba atau mengklasifikasikan mereka sebagai lumpuh. Ini kerana, tenaga, sebab-musabab serta dorongan yang ditetapkan dan dianugerahkan oleh Allāh SWT kepada hamba itu menepati pilihan mereka. Justeru, bagi hamba mereka berupaya

memilih sebarang perbuatan sebagaimana yang mereka kehendaki sungguhpun mereka bukanlah pencipta atau pelaku hakiki perbuatan; sama ada pilihan tersebut menepati kebaikan atau tersasar ke arah keburukan pilihan inilah yang akan dipertanggungjawabkan untuk menerima ganjaran baik atau balasan buruk dan bukan perbuatan mereka.

Namun, ada di kalangan masyarakat Islam di Malaysia yang keliru apabila berhadapan dengan isu *Af'āl Allāh*. Merujuk kepada beberapa tulisan oleh beberapa pengkaji¹, sebilangan besar masyarakat Islam Malaysia menganggap bahawa mereka dikuasai sepenuhnya oleh Allāh SWT tanpa ruang usaha. Anggapan ini ternyata mendasari fahaman Jabariah yang melumpuhkan semangat berusaha umat Islam. Ia diburukkan lagi apabila ada di antara mereka yang meluahkan rasa ketidakpuasan hati seakan tidak redha dengan ketentuan *Qadā'* dan *Qadar* Allāh SWT tatkala suatu musibah menimpa mereka. Malah ada yang biadab memaki Allāh SWT dan ketentuanNya yang disifatkan buruk walhal merekalah sebenarnya pemilih keburukan tersebut.

Ekoran daripada kebiadaban ini, sebilangan masyarakat Islam Malaysia yang lain pula mengambil pandangan yang bertentangan. Mereka menolak penguasaan Allāh SWT sepenuhnya ke atas diri mereka yang mana penolakan ini hampir kepada fahaman Qadariah. Bagi mereka, Allāh SWT hanya menentukan *qadā'* dan *qadar* yang baik dan Dia tidak wajar dipertanggungjawabkan ke atas musibah dan keburukan yang menimpa mereka. Bahkan mereka lebih senang menyifatkan manusialah pelaku perbuatan

¹ Antaranya ialah Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman (2001M) dalam “Konsep Qada’ dan Qadar di dalam Islam. Suatu kajian Tentang Kefahaman Orang Melayu di Bandar Kuantan”; Ummi Najibah Tanuri (2008M) dalam “Keimanan Terhadap Qada’ dan Qadar Sebagai Terapi Kesihatan Mental”.

mereka secara hakiki menuruti Ibn Taymiyyah sekalipun pandangan beliau ini ternyata salah¹.

Beginilah kekeliruan yang dialami sebahagian masyarakat Islam di Malaysia apabila berhadapan dengan isu *Af'āl Allāh*. Hakikatnya, inisiatif terbaik untuk mereka memahami kebenaran isu ini ialah merujuk kembali kepada pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yang memutlakkan penguasaan Allāh SWT ke atas diri hamba dan perbuatan mereka.

Pemutlakkan ini bertujuan menyakinkan masyarakat Islam bahawa Allāh SWT Maha Mengetahui setiap apa yang mereka amalkan bahkan Dialah Yang Maha Menghendaki amalan tersebut dilakukan oleh mereka. Di sinilah tersiratnya pemahaman; sesungguhnya Allāh SWT sentiasa bersama hamba-hambaNya dan merahmati mereka walaupun ada yang kufur seperti *Iblīs*, Firaun dan *Abū Lahab la'natullāh 'alayhim*. Ini kerana, sifat mengetahui Allāh juga bermaksud memantau dan sifat menghendakiNya juga bermaksud menyuruh. Justeru, Allāh SWT memantau setiap hambaNya di samping menyuruh mereka melakukan kebaikan dan meninggalkan keburukan sungguhpun Dia telah mengetahui siapa yang beriman dan kufur.

Dalam masa yang sama juga, Ahl al-Sunnah mengiktiraf kewujudan upaya memilih pada diri hamba. Dengan keupayaan ini, hamba tidaklah disifatkan lumpuh atau dipaksa sehingga membolehkan mereka memberontak terhadap ketentuan *qadā'* dan *qadar*. Mereka digalakkan berusaha sedaya upaya selagi kemampuan dan peluang ada, dan dalam masa yang sama mereka dilarang berputus asa jika sesuatu usaha mereka gagal kerana *Qadā'* dan *Qadar* Allāh mengatasi segala perkara. Hasilnya, umat

¹ Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman telah mengemukakan kenyataan ini dalam kajian sarjana beliau. Beliau juga telah mentarjihkan pemikiran *al-Salafiyah* sebagai tepat dalam menyelesaikan permasalahan *Af'āl Allāh* berbanding Mu'tazilah dan Ashā'irah. Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman (2001), *op. cit.*, h. 68.

Islam tidak akan meninggalkan usaha serta tidak pula kecewa dikala tidak berjaya, dan hasil inilah yang akan memperkasakan jiwa dan akal mereka.

Bahkan Islam menganjurkan umatnya berdoa, memohon kepada Allāh SWT agar dianugerahkan kebaikan dan keberkatan, membuktikan betapa Islam mementingkan umatnya berusaha kerana berdoa merupakan sebahagian daripada usaha walaupun mereka beriman sesungguhnya *Qaḍā'* dan *Qadar* Allāh SWT mendahului doa mereka. Islam juga mengajar umatnya membenci keburukan walaupun ia adalah Sunnah Allāh SWT. Di sinilah mereka diajar membezakan di antara *Qaḍā'* Allāh dengan *muqaddā* (hal yang berlaku). Mereka diwajibkan redha dengan *Qaḍā'* seperti kelahiran, kematian dan rezeki tetapi disuruh membenci *muqaddā* yang menjadi sebab kepada *qaḍā'* seperti membunuh diri dan melakukan jenayah.

6.2 Fahaman *ijbārī* dan *ikhtiyārī* pencetus permasalahan *af'āl*

Apa yang jelas, faktor utama kekeliruan masyarakat Islam terhadap isu *Af'āl Allāh* umumnya berpunca daripada fahaman-fahaman yang telah dikemukakan oleh madhhab-madhhab mutakallimun semenjak kurun pertama Hijrah lagi. Di mana kita menemui, fahaman manusia dikerasi telah diutarakan oleh Madhhab Jabariah yang dipelopori oleh individu-individu yang berpengaruh dalam pemerintahan *Umayyī*. Kemudiannya, fahaman ini dikembangkan oleh al-Ja'd bin Dirham (m. 118H) dan Jahm bin Ṣafwān (m. 128H).

Bertentangan dengan Madhhab Jabariah di atas ialah Madhhab Qadariah yang berfahaman bahawa manusia bebas dan berkuasa memilih. Fahaman ini diasaskan oleh tokoh tabi'in; Ma'bad bin 'Abd Allāh al-Juhnī (m. 80H) yang menyeru umat Islam agar menentang kejumudan perintah dan kezaliman kerajaan *Umayyī*.

Madhhab Qadariah memiliki pengaruh yang kuat ke atas umat Islam berbanding Madhhab Jabariah. Ini kerana, fahaman Madhhab Qadariah dibina berasaskan epistemologi falsafah yang memikat akal manusia. Madhhab ini diterajui dan berkembang dengan usaha ramai tokoh antaranya seperti Wāṣil bin 'Aṭā' (m. 131H); Abū 'Alī al-Jubā'ī (m. 303H); Abū Hāshim al-Jubā'ī (m. 321H) dan Qāḍī 'Abd al-Jabbār (m. 415H).

Sama ada fahaman Madhhab Jabariah ataupun Qadariah, kedua-duanya bersifat melampau kerana menafikan secara mutlak kemampuan hamba dan penguasaan Allāh SWT. Akibat menafikan secara mutlak kemampuan hamba menjadikan mereka tidak mahu berusaha dan cepat berputus asa kerana walau bagaimana sekalipun usaha mereka jika kejayaan bukan ketetapan Allāh untuk usaha tersebut maka mereka mengusahakan suatu yang sia-sia. Manakala akibat menafikan secara mutlak

penguasaan Allāh SWT menjadikan *Qudrah* dan *Irādah* Nya berkuasa ke atas setengah perkara sahaja dan tidak ke atas yang lain. Ini mencatitkan maksud kesyumulan dan kesempurnaan Zat Allāh SWT. Kesimpulannya, kedua-dua fahaman ini masih tidak mampu menjelaskan dengan benar dan tepat isu *Af'āl Allāh*.

Oleh yang demikian, muncul satu fahaman baharu yang mengimbangi fahaman Jabariah dan Qadariah. Fahaman ini menjadikan manusia berupaya memilih tetapi pilihan mereka berpandukan ketetapan-ketetapan yang dikuasai oleh Allāh SWT. Dengan erti kata lain, manusia adalah pemilih yang dikuasai oleh Allāh SWT. Fahaman ini diutarakan oleh Abū al-Ḥasan al-Ash'arī (m.330H) setelah merujuknya kepada keterangan al-Qur'ān dan Ḥadīth serta *āthār* para Sahabat dan tabi'in *radīyallāhu anhum ajma'in*. Tuntasnya, Abū al-Ḥasan r.a. telah mengutarakan satu fahaman yang berasaskan al-Sunnah dan sepakat para jemaah Sahabat dan tabi'in. Maka tidak hairanlah mengapa Abū al-Ḥasan r.a. ditabalkan sebagai pengasas kepada Madhhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah.

Madhhab Abū al-Ḥasan r.a. ini juga dikenali dengan nama Madhhab Ashā'irah. Ia mendapat pengiktirafan yang tinggi daripada ramai alim-ulama' zaman berzaman kerana kebernasan hujah-hujah yang digunakan dalam menyelesaikan masalah akidah di samping bersihnya fahaman madhhab ini daripada sifat melampau dan keraguan. Ramai sarjana Islam berpegang dengan madhhab ini antaranya yang masyhur seperti Qādī Abū Bakr al-Bāqilānī (m. 403H); 'Abd al-Qāhir al-Baghdādī (m. 429H); al-Ḥāfiẓ al-Bayhaqī (m. 458H); al-Ustādh Abū al-Muzaffar al-Isfarāyīnī (m. 471H); Abū al-Ma'alī al-Juwaynī (m. 478H); Abū Ḥāmid al-Ghazzallī (m. 505H); Fakhr al-Dīn al-Rāzī (m. 606H); Sa'd al-Dīn al-Taftāzānī (m. 793H); dan *Imāmunā* al-Sayyid al-Sharīf al-Jurjānī (m. 816H) *rahīmahumullāh Ta'alā wa iyyānā ajma'in*.

Selain tiga fahaman madhab ini; Jabariah, Qadariah dan Ashā‘irah, terdapat juga fahaman yang dikemukakan oleh Ḥukamā’ dan Ibn Taymiyyah (m. 728H) terhadap isu *Af‘āl Allāh*. Walau bagaimana pun, fahaman kedua-duanya secara dasar adalah seiras dengan fahaman Madhhab Qadariah¹. Cuma Ḥukamā’ menambah; wajib Allāh SWT memberikan kuasa kepada hamba demi menggambarkan merekalah pelaku perbuatan mereka.

Pandangan Ḥukamā’ dan Ibn Taymiyyah ini ternyata mempunyai kelemahan tersendiri. Konsep mewajibkan Allāh SWT menganugerahi kekuatan hamba adalah sukar difahami kerana konsep ini akan mengurangkan kekuasaan mutlaq *Qudrah* dan *Irādah* Allāh SWT. Jika perbuatan ‘menganugerahi kekuatan hamba’ adalah suatu yang wajib ke atas Allāh SWT bermakna perbuatan tersebut adalah suatu aturan yang perlu Dia patuhi. Ternyata aturan ini menafikan Allāh SWT memiliki sifat kehendak yang muktamad (*irādiyyah al-jazmah*) dan penguasaan yang bebas (*qudriyyah al-mustaqillah*). Ini menafikan Allāh sebagai *al-Khāliq* malah lebih tepat Dia bersifat sebagai makhluk, Maha Suci Allāh daripada hal yang demikian.

Dan konsep manusia selaku pelaku hakiki perbuatannya dan Allāh sebagai Pencipta gagal dipersetujui oleh jumur mutakallimun kerana konsep ini menggambarkan wujudnya dua pelaku berkuasa yang berbeza iaitu pelaku perbuatan dan pencipta perbuatan, bermakna pencipta perbuatan ini bukan pelakunya. Jika Pencipta perbuatan iaitu Allāh SWT bukan pelaku perbuatan bermakna maka Dia

¹ Apa yang dikemukakan oleh Ibn Taymiyyah adalah tidak berbeza daripada pandangan Qadariah dan Ḥukamā’ walaupun beliau menafikannya. Beliau mendakwa bahawa manusia selaku hakiki perbuatannya dan Allāh sebagai Pencipta perbuatan. Bahkan Ibn Qayyim menyetujui gurunya dalam hal ini dengan mengatakan bahawa perbuatan manusia disandarkan kepada kuasa dan kemahuan mereka sebagai sandaran sebab kepada kesan. Kenyataan ini tidak berbeza dengan kenyataan Ḥukamā’ dalam permasalahan yang sama. Kenyataan di sini telah dinaqalkan penulis daripada tulisan Syed Hilmi yang mana beliau mentarjihkan pandangan Ibn Taymiyyah adalah sesuai dan terbaik memahami permasalahan *Af‘āl Allāh*. Syed Hilmi Syed Abdul Rahman (2001), *op. cit.*, h. 67-68. Sila lihat juga perbincangan terhadap kenyataan Qadariah dan Ḥukamā’ dalam kajian ini, h. 84-90. Dan tarjih al-Jurjānī, h. 104-113.

hanya berkuasa mencipta perbuatan dan tidak pula berkuasa menguruskannya, Maha Suci Allāh daripada hal yang demikian.

6.3 Pendekatan *wasatīyyah* Ashā‘irah dalam memahami *af‘āl*.

Oleh kerana kelemahan yang terdapat pada fahaman Jabariyah, Qadariyah, **H**ukamā’ dan Ibn Taymiyyah, Ashā‘irah mengambil inisiatif mengimbangi semua fahaman-fahaman tersebut. Metode pengimbangan yang diusahakan Ashā‘irah berkisar kepada tiga pendekatan iaitu *jā’iz/mubāḥ* (harus); *ta‘allūq* (kaitan); dan *kasb* (usaha).

Jā’iz atau *mubāḥ* merupakan pendekatan Ashā‘irah apabila menyifatkan sifat Perbuatan Allāh. Pada mereka, harusnya Perbuatan Allāh SWT adalah kerana PerbuatanNya ini berhubung dengan makhluk. Jika PerbuatanNya disifatkan wajib maka hubungan di antara Allāh dengan makhluk juga perlu wajib, dan ini akan mewajibkan kewujudan makhluk walhal kewujudan mereka adalah mungkin. Jika tidak diwajibkan Perbuatan Allāh pula, maka mustahillah wujudnya hubungan di antara Allāh dengan makhluk kerana kemustahilan ini menafikan makhluk menjadi ciptaan Allāh SWT sedangkan hakikatnya hubungan keduanya dapat dibuktikan. Justeru itu, Ashā‘irah menyifatkan Perbuatan Allāh adalah harus iaitu tidak wajib dan tidak mustahil Allāh berhubung dengan makhluk.

Keharusan hubungan antara Allāh SWT dengan makhlukNya difahami melalui pendekatan kaitan (*ta‘allūq*). *Ta‘allūq* pada Ashā‘irah terbahagi kepada dua; kaitan yang menyesuaikan Zat Allāh SWT yang qadim dengan hal-hal yang bersifat baharu atau dalam Bahasa Arabnya *ta‘allūqiyyah ṣulūḥiyyah qadīmah*; dan kaitan yang merealisasikan Perbuatan Allāh SWT yang bersifat baharu atau dalam Bahasa Arabnya *ta‘allūqiyyah tanjīziyyah ḥadīthah*. Melalui kedua-dua *ta‘allūq* ini, Allāh SWT

difahami telah berkuasa melakukan hal-hal yang bersifat baharu seperti menjadikan makhluk, menghidup dan mematikan mereka semasa azali sebelum daripada makhluk itu diwujudkan lagi. Inilah bukti bagaimana Allāh bebas memilih samada hendak berkaitan dengan makhluk atau tidak sebelum mereka diwujudkan. Kebebasan ini pastinya menafikan Allāh SWT wajib berkaitan dengan makhluk. Lantaran itu, harus adalah yang paling tepat disifatkan pada kaitan ini.

Walaupun kaitan ini bersifat harus, namun kelayakan Allāh SWT sebagai Pencipta dan Pelaku perbuatan hamba adalah tetap mutlak. Sifat mencipta dan melakukan perbuatan hamba ini menggambarkan sesungguhnya Allāh SWT berkuasa penuh ke atas perbuatan tersebut. Kekuasaan Allāh SWT ini diperincikan Ashā‘irah melalui rangkuman empat perkara; (1) masa perbuatan; (2) dorongan atau sebab perbuatan; (3) kekuatan hamba; (4) dan kesan perbuatan. Ini bermakna, Allāh SWT telah menetapkan bilakah masanya suatu perbuatan itu akan dilakukan oleh hamba; mewujudkan dorongan dan sebab hamba melakukan perbuatan; menganugerahkan kekuatan kepada hamba untuk melakukan perbuatan; dan menghasilkan kesan daripada perbuatan yang dilakukan hamba. Kesemua rangkuman ini tidak meninggalkan sebarang ruang kepada diri hamba untuk bebas melakukan perbuatan melainkan memilih apa yang hendak dilakukan sahaja, dan pilihan inilah disifatkan Ashā‘irah sebagai usaha (*kasb*).

Melalui *kasb*, hamba berpeluang memilih tindakan yang mereka ingin lakukan. Walau bagaimana pun pilihan mereka tertakluk kepada ketetapan Allāh SWT. Sebagai contoh, mereka hanya mampu memilih samada untuk beriman atau kufur tatkala berhadapan dengan keterangan Allāh SWT. Dan pilihan mereka ini menjadi pengukur kepada mereka samada layak diberikan kebaikan atau dibalasi dengan keburukan.

Dengan metode *kasb* ini, fahaman Jabariah yang menafikan usaha manusia adalah sifar terbatal kerana mereka terbukti memiliki usaha walaupun ia sekadar pilihan. Begitu juga terbatalnya fahaman Qadariah yang memutlaqkan penguasaan usaha manusia, kerana walaupun mereka memiliki usaha tetapi usaha ini tetap disempadani oleh ketetapan yang dikuasai oleh Allāh SWT.

6.4 Al-Sayyid al-Sharīf al-Jurjānī pendokong *wasatīyyah* Ashā‘irah

Melalui pendekatan *jā‘iz/mubāḥ*, *ta‘allūq* dan *kasb*, Ashā‘irah berjaya mengemukakan penyelesaian yang lebih baik daripada Jabariah dan Qadariah dalam memahami isu *Af‘āl Allāh*. Jika ada pembaca yang tidak setuju dengan kenyataan ini sekalipun, paling kurang pembaca akan bersetuju dengan fakta bahawa Ashā‘irah telah bebas daripada melampaui dan mengurangi (*ifrāṭ wa tafriṭ*) apabila membicarakan tentang isu *Af‘āl Allāh*.

Apa yang tidak dapat disangkal ialah pendekatan yang dibawa Ashā‘irah dalam memahami isu *Af‘āl Allāh* ini telah dipelopori oleh Abū al-Ḥasan al-Ash‘arī r.a. dan *mutaqaddimūn* daripada Ashā‘irah, dan ia seterusnya telah diperelok, diperhalusi dan diolah oleh *muta‘akhirūn* daripada mereka. Salah seorang *muta‘akhirūn* tersebut ialah al-Sayyid al-Sharīf ‘Alī bin Muḥammad al-Jurjānī r.a.

Sebagai seorang tokoh mutakallimun abad ke-15 Masehi dari Iran, al-Jurjānī diiktiraf oleh dunia Islam khusus dan barat amnya sebagai seorang sarjana yang memiliki penelitian yang halus terhadap falsafah ontologi dan teologi Islam atau *Uṣūl al-Dīn*. Beliau mendapat pujian yang luar biasa daripada guru-guru beliau seperti Sa‘d al-Dīn al-Taftāzānī; al-‘Allāmah al-Mubārakshah dan murid-murid beliau seperti Qāḍī Zādah al-Rūmī; Faṭḥ Allāh al-Shirwānī; Fakhr al-Dīn al-‘Ajmī. Semua ini

membuktikan betapa al-Jurjānī memiliki kemahiran dan keistimewaan yang tinggi dalam disiplin ilmu. Maka tidak hairan jika al-Nāqid al-Sakhāwī mencatatkan bahawa al-Jurjānī telah menghasilkan lebih daripada 50 karya dalam pelbagai disiplin ilmu dengan bahasa yang berbagai dan karya beliau yang paling menonjol adalah yang membahaskan *‘Ilm al-Kalām, al-Manṭiq, Falsafah dan Taṣawwūf*. Dan selaku pendokong Madhhab al-Ashā‘irah, al-Jurjānī menyelaraskan tulisan beliau khasnya dalam akidah seiring dengan tokoh-tokoh *Ash‘ariyyūn* yang lain.

Begitulah halnya juga al-Jurjānī telah mendasari sepenuhnya pendekatan *jā‘iz, ta‘allūq* dan *kasb* apabila membahaskan isu *Af‘āl Allāh*. Malah beliau memperhalusi beberapa pendekatan tersebut sesuai dengan keperluan pemahaman masyarakat di zaman beliau yang bukan sahaja menyanjungi huraian tradisi dalil *naqlī* bahkan menilai tinggi hujah epistemologi dan metodologi *aqlī*.

Didapati, di samping al-Jurjānī mengharuskan kaitan Allāh SWT dengan makhlukNya sebagaimana pandangan jumhur Ashā‘irah, beliau mewajibkan penyandaran perbuatan hamba yang bersifat baharu pada *ta‘allūq* sifat *Qudrah* Allāh SWT. Pada beliau, wajibnya penyandaran ini adalah tepat dalam menafikan salasilah yang berterusan, kerana jika penyandaran perbuatan hamba pada *ta‘allūq* sifat *Qudrah* Allāh tersebut harus, ini seolah menggambarkan bahawa perbuatan hamba mungkin juga bersandar kepada perkara lain. Justeru, dengan mewajibkan penyandaran ini, kebarangkalian ‘mungkin’ tersebut ternafi.

Kewajipan penyandaran perbuatan hamba pada *ta‘allūq* sifat *Qudrah* Allāh ini tidak menyalahi konsep harus kaitan Allāh dengan makhluk kerana konsep ini adalah umum iaitu membicarakan tentang *Qudrah* dan *Irādah* Allāh SWT sebelum makhluk itu wujud, iaitu Allāh harus atau boleh memilih sama ada berkaitan dengan makhluk atau tidak, dan keharusan ini tidak memudharatkan Zat atau SifatNya jika Dia memilih

tidak berkaitan dengan makhluk. Adapun wajibnya penyandaran perbuatan hamba pada *ta'allūq* sifat *Qudrah* Allāh pula membicarakan tentang kaitan Allāh dengan makhluk setelah mereka wujud. Jadi jika diteliti, wajibnya penyandaran perbuatan hamba pada *ta'allūq* sifat *Qudrah* Allāh ini sebenarnya telah memperhalusi pemahaman tentang keharusan kaitan Allāh dengan makhluk.

Selain memperhalusi pendekatan *jā'iz*, al-Jurjānī juga turut memperhalusi pendekatan *kasb*. *Kasb* di sisi beliau tidak lebih daripada suatu perantaraan sebab antara *Qudrah* Allāh SWT dengan perbuatan makhluk. Ini bermakna bahawa Dialah Pencipta, Pelaku serta Pengatur perbuatan hamba yang hakiki dan hamba hanyalah sekadar pemilih serta penggerak perbuatan. Al-Jurjānī menambah bahawa sifat perantaraan *kasb* adalah mirip suatu perkakasan yang mana setiap jenis perkakas itu adalah suatu yang dibentuk atau dicipta, tuntas sebagaimana *kasb* yang masih bersifat makhluk dan mustahil berupaya mencipta dan melakukan perbuatan.

6.5 *Kitāb Sharḥ al-Mawāqif* dan terjemahannya

Kesemua keterperincian yang dikemukakan oleh al-Jurjānī di atas dimuatkan dalam karyanya *Sharḥ al-Mawāqif*, sebuah karya *‘Ilm al-Kalām* yang mengambil masa berbelas-belas tahun untuk disiapkan.

Memetik ucapan Ibn al-Ḥā’ī¹ yang menegaskan bahawa *Sharḥ al-Mawāqif* sebagai sebuah karya yang lengkap membicarakan permasalahan *‘Ilm al-Kalām*, membuktikan betapa *Sharḥ al-Mawāqif* bukan sahaja memuatkan analisis pemikiran *‘Ilm al-Kalām* bermadhab Ashā’irah malah ia juga menghimpunkan pemikiran kebanyakan mutakallimun sama ada daripada Madhhab Jabariah, Mu’tazilah, Ḥukamā’, Diṣāniah atau Thanawiah daripada Majūsī dan lain-lain lagi. Dengan himpunan yang menyeluruh sebegini maka tidak keterlaluan jika penulis mengibaratkan *Sharḥ al-Mawāqif* seumpama sebuah ensiklopedia *‘Ilm al-Kalām* yang lengkap.

Sharḥ al-Mawāqif dihasilkan pada kurun ke-9 Hijrah dan dengan itu ia boleh dianggap sebagai rujukan terkini *‘Ilm al-Kalām* Madhhab Ashā’irah. Ia menghimpunkan dalil, hujah dan pandangan yang diutarakan tokoh-tokoh Ashā’irah bermula dari golongan yang dikenali sebagai *salaf* sehinggalah kepada *khalaf*. Pandangan tokoh-tokoh ini bukan sahaja dihimpunkan malah dianalisis serta ditarjihkan sehinggalah diterima secara sepakat oleh *muta’akhirūn* Ashā’irah dan seluruh Ahl al-Sunnah, dan dengan segala usaha dan sumbangan ini kita amat berhutang budi kepada al-Jurjānī. Justeru, *Sharḥ al-Mawāqif* bukan sahaja boleh dianggap sebagai sebuah rujukan *‘Ilm al-Kalām* terkini Madhhab Ashā’irah malah ia juga adalah sebagai pelengkap kepada akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā’ah.

¹ Lihat kajian ini, h. 54.

Bertitik tolak daripada keistimewaan *Sharḥ al-Mawāqif* sebagai sebuah rujukan lengkap akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah, penulis merasakan betapa perlunya isi kandungan *Sharḥ al-Mawāqif* ini dikongsi dan diketengah kepada umat Islam di Malaysia, agar sedikit sebanyak polemik dan kekeliruan terhadap akidah yang melanda dapat diredakan dan seterusnya dirawat. Untuk memenuhi hal tersebut, penulis berusaha menterjemah dan menganalisis sebahagian isi *Sharḥ al-Mawāqif* tersebut iaitu dalam bab membicarakan tentang *Af‘āl Allāh*.

Dalam mengusahakan terjemahan, penulis dapati susunan ayat dan penggunaan istilah dalam *Sharḥ al-Mawāqif* adalah seragam dengan maksud yang ingin disampaikan. Apa yang istimewa, bentuk ayat dan istilah yang digunakan ini adalah daripada kategori yang tinggi yang menepati ketinggian ilmu dan kepakaran al-Jurjānī, yang juga adalah pengarang kitab *al-Ta‘rīfāt* dalam bidang falsafah ilmu dan *Kitāb al-Uṣūl al-Manṭiqiyyah* dalam bidang mantik.

Jelasnya di sini bahawa al-Jurjānī bukan sahaja mementingkan pemahaman maksud yang tepat daripada tulisan beliau malah mengutamakan juga penyampaian yang halus untuk tatapan pembaca, dan hal ini menyukarkan penulis untuk memahami dengan mudah mafhum yang ingin disampaikan oleh beliau apatah lagi untuk menterjemahkan teks-teks terpilih dalam isu *Af‘āl Allāh*. Jika tidak kerana huraian mendalam daripada Prof. Dr. Muḥy al-Dīn al-Ṣāfī dan Prof. Dr. Muḥammad Rabī‘ Jawharī daripada Universiti al-Azhar di Kaherah, besar kemungkinan penulis gagal memahami dengan tepat bahasa dan isi kandungan *Sharḥ al-Mawāqif*.

Dengan kekerdilan kemampuan, penulis setakat ini hanya mampu menterjemah dan menganalisis pemikiran al-Jurjānī dalam *Sharḥ al-Mawāqif* berkenaan isu *Af'āl Allāh*. Penulis juga maklum bahawa ada pengkaji di Malaysia¹ yang telah menghasilkan tulisan berpandukan pemikiran al-Jurjānī dalam *Sharḥ al-Mawāqif*, namun hasilan ini masih kecil jika dibandingkan dengan manfaat dan keistimewaan yang terdapat pada *Sharḥ al-Mawāqif*.

Sebagai individu muslim dan murid, penulis amat berharap agar pelajar-pelajar lain di Malaysia ini tampil menyokong menterjemah dan menganalisis pemikiran al-Jurjānī dalam *Sharḥ al-Mawāqif*, khasnya dengan memfokuskan isu-isu yang belum dikupas oleh mana-mana pengkaji, seterusnya memanfaatkan kupasan tersebut demi menjelaskan kepada masyarakat Islam Malaysia apa yang masih mereka keliru dalam masalah akidah di samping memartabatkan Madhhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah.

Andainya para pelajar merasakan kurang berkeupayaan untuk menterjemah dan menganalisis pemikiran al-Jurjānī dalam *Sharḥ al-Mawāqif*, maka mereka patut cuba mengusahakan terjemahan atau menganalisis pemikiran tokoh-tokoh mutakallimun tradisi yang lain samada dari dalam atau luar daerah 'Melayu'. Ini kerana, terjemahan dan analisis ini bukan sahaja mampu memperkukuhkan institusi ilmu akidah dan pegangannya yang sedia ada malah mampu menyegarkan kesinambungan penghayatan tradisi *'Ilm al-Kalām* khasnya dan ilmu-ilmu Islam umumnya yang kita warisi zaman berzaman, dan segala ilmu ini berakhir kepada permulaannya iaitu daripada junjungan besar Muhammad s.a.w.

¹ Individu tersebut ialah Dr. Zaidi Ismail yang sekarang bertugas di IKIM. Beliau telah menulis sebuah disertasi berpandukan pemikiran al-Jurjānī dalam *Sharḥ al-Mawāqif* yang memfokuskan tentang māhiyah (zat sesuatu). Judulnya ialah *Existence (al-Wujūd) And Its Relations To Quiddity (al-Māhiyah) In The Later Ash'arite Kalam: With Special Reference To 'Adud al-Din al-Iji's al-Mawāqif And al-Sayyid al-Sharif al-Jurjani's Sharḥ al-Mawāqif* (2005).

Segala yang baik daripada Allāh dan yang kurang itu pula adalah daripada penulis sendiri. Semoga kajian ini bukan sekadar diterima demi memenuhi keperluan akademik bahkan diterima oleh mizan kebaikan Allāh SWT.

*Wallāhu a'lam*¹.

¹ Selesai ditulis pada 29 Syawal 1431H; 8 Oktober 2010M. Selesai disemak semula pada 24 Rabiulawal; 27 Febuari 2011.